



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

🌐: www.umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

☎: +609-6684217

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 JLD.5(22)
Tarikh : 27 November 2023
Bersamaan : 13 Jamadilawal 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Prof. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 19 TAHUN 2023

KADAR BAHARU YURAN PELAJARAN, YURAN TESIS DAN YURAN PROSES RAYUAN KEPUTUSAN PEMERIKSAAN TESIS (KES GAGAL SAHAJA) BAGI PROGRAM PENGAJIAN PASCASISWAZAH (PENYELIDIKAN) DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kadar baharu yuran pelajaran, yuran tesis dan yuran proses rayuan keputusan pemeriksaan tesis (kes gagal sahaja) bagi program pengajian pascasiswazah (penyelidikan) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Yuran Pelajaran dan Yuran Tesis

Kadar sedia ada bagi yuran pelajaran dan yuran tesis program pengajian pascasiswazah (penyelidikan) adalah kadar yang telah diluluskan oleh jawatankuasa berikut:

- a. Yuran Pelajaran - Mesyuarat JKTK Kali Ke-14 dan dikuatkuasakan pada tahun 2004; dan
- b. Yuran Tesis - Mesyuarat JKTK Kali Ke-2 dan dikuatkuasakan pada tahun 2002.

2.2 Yuran Proses Rayuan Keputusan Pemeriksaan Tesis (kes gagal sahaja) *dahulu dikenali dengan yuran proses pemeriksaan semula khas*. Kadar sedia ada adalah sebanyak RM100 (diluluskan dalam Mesyuarat JKY Kali Ke-25 Bil. 2 Tahun 2021).

2.3 Justifikasi kenaikan kadar yuran pelajaran, yuran tesis dan yuran proses rayuan keputusan pemeriksaan tesis (kes gagal sahaja) adalah :

- a. Ianya tidak lagi relevan dengan kadar semasa yang ditetapkan oleh universiti awam lain; dan
- b. Kadar yuran yang dikenakan sekarang adalah rendah dan tidak memadai dengan kos/perbelanjaan berkaitan.

2.4 Kadar baharu yuran pelajaran, yuran tesis dan yuran proses rayuan keputusan pemeriksaan tesis (kes gagal sahaja) bagi program pengajian pascasiswazah (penyelidikan) di UMT ini telah mendapat perakuan dan kelulusan jawatankuasa berikut:

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Yuran (JKY) Kali Ke-25 Bil. 2 Tahun 2021 pada 15 Julai 2021;

- b. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali Ke-53 Bil. 3 Tahun 2021 pada 27 Julai 2021;
- c. Mesyuarat Jawatankuasa Yuran (JKY) Kali Ke-32 Bil. 5 Tahun 2022 pada 21 Disember 2022;
- d. Mesyuarat Jawatankuasa Yuran (JKY) Kali ke-36 (Khas) Bil. 4 Tahun 2023 pada 25 September 2023; dan
- e. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-63 (Bil. 4 Tahun 2023) pada 29 Oktober 2023.

3. YURAN PELAJARAN, YURAN TESIS DAN YURAN PROSES RAYUAN KEPUTUSAN PEMERIKSAAN TESIS (KES GAGAL SAHAJA) BAGI PROGRAM PASCASISWAZAH (STRUKTUR PENYELIDIKAN) DI UMT

3.1 Kadar yuran pelajaran dan yuran tesis bagi program pengajian pascasiswazah (penyelidikan) di UMT adalah seperti berikut:.

- a. Pelajar warganegara

Jenis Yuran	Kategori	Kadar Baharu (RM)	
		Sarjana	Doktor Falsafah
Yuran Pelajaran	Sains	1,500	1,500
	Sains Sosial	1,000	1,000
Yuran Tesis	Sains	1,000	2,000
	Sains Sosial	1,000	2,000

Jadual 1: Kadar yuran pelajaran dan yuran tesis program pascasiswazah (penyelidikan) bagi pelajar warganegara

b. Pelajar bukan warganegara

Jenis Yuran	Kategori	Kadar Baharu (USD)	
		Sarjana	Doktor Falsafah
Yuran Pelajaran	Sains	340	340
	Sains Sosial	230	230
Yuran Tesis	Sains	230	450
	Sains Sosial	230	450

Jadual 2: Kadar yuran pelajaran dan yuran tesis program pascasiswazah (penyelidikan) bagi pelajar bukan warganegara

3.2 Yuran proses rayuan keputusan pemeriksaan tesis (kes gagal sahaja) bagi program pascasiswazah (struktur penyelidikan) adalah seperti berikut:

Kategori Pelajar	Kadar
Warganegara	RM250
Bukan Warganegara	USD60

Jadual 3: Yuran proses rayuan keputusan pemeriksaan tesis (kes gagal sahaja) bagi program pascasiswazah (struktur penyelidikan)

4. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2023 adalah dibatalkan.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai Semester I Sesi 2023/2024

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
7. Fail